

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK



Maybank Islamic

Helaian Maklumat Produk (PDS) ini menyediakan maklumat utama mengenai pembiayaan kenderaan anda.

Pelanggan lain telah membaca Dokumen Pendedahan Produk (PDS) ini dan mendapat ia bermanfaat; **anda juga digalakkan untuk membacanya.**

TARIKH: _____

1. APAKAH MAYBANK ISLAMIC MYIMPACT DRIVE FINANCING-I

Ini adalah pelan pembiayaan kenderaan **kadar tetap** patuh Shariah untuk kereta penumpang baharu terpilih. Ia menawarkan pilihan:

- i. Bayaran bulanan yang lebih rendah berbanding sewa beli standard.
- ii. Jaminan nilai baki terjamin oleh Pengeluar yang bekerjasama dengan Bank.
- iii. Pilihan penyelesaian yang fleksibel melalui penebusan atau penjualan kenderaan kepada Penyedia Jaminan pada Nilai Sisa (RV) selepas tamat tempoh kemudahan awal, atau meneruskan pembiayaan sehingga tamat tempoh keseluruhan.

Kontrak Shariah yang digunakan adalah **Murabahah, iaitu kontrak jualan** dengan pendedahan kos pembelian dan margin keuntungan kepada pembeli ("Pelanggan"). Di bawah urus niaga ini, apabila menerima resit Akujanji untuk Membeli daripada Pelanggan, Bank akan melantik pelanggan sebagai ejen untuk membeli kenderaan daripada penjual / pengedar bagi pihak Bank. Seterusnya, setelah selesai pembelian kenderaan tersebut, Bank akan menjual dan pelanggan akan membeli kenderaan tersebut pada Harga Jualan Bank.

2. KENALI TANGGUNGJAWAB ANDA

Contoh illustrasi tanggungjawab pelanggan adalah seperti berikut:

Contoh:	Jumlah Kemudahan: RM50,000	Tempoh: 9 tahun	RV: RM37,000
---------	----------------------------	-----------------	--------------

Item No.		KADAR TETAP
1.	Jumlah bayaran bulanan bagi tempoh 5 tahun pertama	RM479 x 60 bulan = RM28,740.00
2.	Jumlah bayaran yang perlu dijelaskan kepada Bank selepas 5 tahun (termasuk EPR)	RM62,024.67
3.	Kadar Keuntungan Efektif	5.70 % per tahun
4.	Kadar Keuntungan Siling	15 %
5.	Harga Jualan Bank	RM71,369.79
6.	Penyelesaian Baki	RM62,024.67 – RM28,740 = RM33,284.67

Jadual ini hanya sebagai ilustrasi contoh.

*Nilai Sisa (RV) ialah nilai belian semula yang dipersetujui oleh pengeluar pada akhir tempoh pembiayaan (bulan ke-60) dan ia tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Ia juga tertakluk kepada terma dan syarat Nilai Sisa yang berkuat kuasa.

FIDAN CAJ

STANDARD FI	RM
Surat Tawaran	10 ¹
Perjanjian Kemudahan	10 ¹
Surat Kuasa	10 ¹
Surat Jaminan (Jika ada)	10 ¹
Penaksian dan Pendaftaran Surat Kuasa di Mahkamah Tinggi	100.00 ²
Caj e-Hakmilik	3.24 ³

Nota: 1. Duti Setem

2. Standard fi oleh peguam cara

3. Fi standard oleh pihak ketiga. Contoh: Financial Information Services Sdn. Bhd

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatanganinya



Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya



Menghubungi kami dengan segera jika anda tidak mampu membayar ansuran bulanan anda



Memaklumkan jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat perhubungan pelanggan

3. KENALI RISIKO ANDA

- A. Jika anda memutuskan untuk menjual kenderaan kepada Penyedia Jaminan (seperti dinyatakan dalam perkara (1) (iii), ia tertakluk kepada pematuhan Terma dan Syarat RV yang dipersetujui seperti yang dinyatakan didalam Surat Tawaran. Penyedia Jaminan berhak untuk menolak atau menyemak semula nilai RV yang dipersetujui sekiranya terdapat pelanggaran terhadap terma RV. Sekiranya nilai RV lebih rendah daripada jumlah penyelesaian/akhir, anda perlu membayar beza diantara jumlah penyelesaian dan RV.

B. Caj Bayaran Lewat (CBL)

Caj Bayaran Lewat (CBL)	<p>i. <u>Ansuran Tertunggak atau Bayaran Berjadual</u> Jika gagal membayar ansuran atau bayaran dari tarikh pengeluaran hingga tarikh matang, Caj Bayaran Lewat adalah 1% setahun ke atas jumlah tertunggak atau mengikut kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).</p> <p>ii. <u>Apabila Tarikh Matang atau Penghakiman, yang mana lebih awal</u> Jika gagal membayar selepas tarikh matang atau selepas penghakiman (yang mana lebih awal), caj dikenakan pada kadar CBL bersamaan dengan kadar IIMM semalam ke atas baki tertunggak atau mengikut kaedah lain yang diluluskan BNM.</p> <p>Walau apapun Caj Lewat Bayar yang dikenakan, jumlah Caj Bayaran Lewat tidak akan dikompaun.</p>
Tindakan Undang - Undang	<p>i. Melalui Surat Kuasa Wakil, dan dokumen sekuriti, Kami sebagai pembiaya dan sebagai wakil pelanggan boleh mengambil tindakan yang perlu untuk mengambil semula, menjual dan melupuskan kenderaan untuk mendapatkan jumlah yang tertunggak di bawah kemudahan tersebut.</p> <p>ii. Di samping itu, undang-undang lain juga boleh diambil terhadap anda untuk mendapatkan semula jumlah yang tertunggak di bawah kemudahan itu. Ini akan menjelaskan kedudukan kredit anda.</p>

C. Pengambilan semula akan berlaku apabila :-

- Tiada pembayaran bagi dua bayaran ansuran bulanan berturut, ATAU
- Kegagalan membayar bayaran terakhir / penyelesaian baki, ATAU
- Tiada pembayaran bagi empat bayaran ansuran bulanan berturut oleh waris jika penyewa telah meninggal dunia.

4. TERMA UTAMA LAIN

- Adalah disyorkan untuk mendapatkan perlindungan Takaful daripada pengendali Takaful panel kami atau pengendali Takaful lain yang diluluskan oleh kami. Dalam mendapatkan perlindungan Takaful seperti di atas, anda dinasihatkan perkara berikut:
 - Skim/pelan Takaful seharusnya menjadi pilihan utama anda untuk perlindungan kenderaan.
 - Anda boleh mendapatkan insurans konvensional untuk melindungi kenderaan dalam keadaan berikut:
 - jika tiada perlindungan Takaful ditawarkan atau tersedia di pasaran untuk kenderaan tersebut; atau
 - permohonan anda untuk perlindungan Takaful bagi kenderaan tersebut ditolak oleh semua pengendali Takaful; atau
 - kos perlindungan insurans adalah jauh lebih kompetitif berbanding kos Takaful.
- Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh pembiayaan bahawa anda boleh memilih dan melaksanakan salah satu daripada pilihan berikut:
 - membuat penyelesaian penuh Kemudahan dengan membayar Penyelesaian Baki; atau
 - menjual Kenderaan kepada Penjamin pada Nilai Masa Depan Dijamin; atau
 - meneruskan Tempoh Kemudahan mengikut terma yang akan dinyatakan dalam notifikasi yang akan dikeluarkan oleh pihak kami satu (1) bulan selepas tamat tempoh kemudahan awal.

 Sekiranya anda tidak memanfaatkan samada pilihan (a) atau (b) diatas selepas tempoh 5 tahun pertama, anda boleh meneruskan kemudahan dan membayar ansuran yang telah disemak semula untuk tempoh baki pembiayaan. Sila ambil perhatian bahawa tempoh pembiayaan yang lebih panjang mungkin akan menyebabkan bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi dan jumpah kos pembiayaan keseluruhan yang lebih besar. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan yang dibayar tidak akan melebihi Harga Jualan Bank.

i. Ilustrasi paket

Tempoh Pembiayaan Maybank Islamic myimpact Drive Financing-i selama 5 Tahun	Dengan Penyambungan 4 Tahun
RM479 untuk tempoh 60 bulan	RM785 untuk tempoh 48 bulan

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai produk ini, anda boleh:

Maybank Islamic		
	Layari kami di: https://www.maybank2u.com.my/ maybank2u/malaysia/en/ personal/loans/hire_purchase/ mvtf-i.page	 E-mel kepada: norfadzilah@maybank.com norazidah.y@maybank.com mohdzulkarnaenaffendi@maybank.com
Hubungi kami di: 03-2297 2000 Ext: 2304/2316/2203		

AKUAN PELANGGAN

Saya mengakui telah membaca dan memahami kandungan Helaian Maklumat Produk ini.

Tandatangan:

Nama: